



## Dari Meja Ketua Editor


Pembentukan masyarakat Malaysia yang berpemikiran keusahawanan merupakan asas dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan unggul menjelang tahun 2030. Ini terbukti dengan pelancaran Dasar Keusahawanan Nasional 2030 pada Julai 2019. Konsep peningkatan ini juga ditekan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang ingin melahirkan masyarakat yang makmur menerusi pendapatan yang seimbang. Objektif utama dalam konsep kemakmuran bersama adalah Model Pembangunan Baharu, iaitu penglibatan segenap lapisan rakyat Malaysia dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara berteraskan ilmu pengetahuan dan nilai kemasyarakatan yang tinggi. Keusahawanan merupakan kunci utama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), merangsang pelaburan serta menjana peluang pekerjaan. Selain itu, keusahawanan juga merupakan pemangkin kepada penjanaan inovasi serta menjadi wadah meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat dengan menyediakan peluang ekonomi kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk koperasi.

Sehubungan itu, keusahawanan merupakan satu komponen penting dan strategik dalam memacu Malaysia untuk mencapai status negara maju dan makmur. Keusahawanan dilihat sebagai satu pendekatan sosial untuk negara keluar daripada pendapatan pertengahan, seterusnya menjadi batu loncatan untuk negara Malaysia sebagai paksi ekonomi di rantau Asia. Justeru, terbitan Dimensi Koop bil. 62 turut memaparkan isu keusahawanan untuk perkongsian kepada gerakan koperasi dengan menekankan tajuk berkaitan **Inovasi Sosioekonomi melalui Pendekatan Usahawan Koperasi, Usahawan Kreatif dan Inovasi dalam Keusahawanan Malaysia dan Kesediaan Usahawan Koperasi Menceburi Aktiviti Pusat Pengedaran (DC) Koperasi**. Koperasi dilihat sebagai platform terbaik untuk menjadikan anggota sebagai seorang usahawan dalam melahirkan usahawan koperasi. Semoga dengan adanya perkongsian artikel berkenaan keusahawanan ini dapat membantu membangunkan modal insan anggota koperasi melalui penglibatan dan kerjasama anggota dalam perniagaan koperasi serta memberi panduan terbaik kepada anggota dalam tadbir urus perniagaan yang baik.

*Mohd Zaib Mat Yunus*

- \* Rujukan artikel boleh diperoleh daripada penulis
- \* Gambar yang terkandung di dalam majalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja.

# Kandungan



**4** Usahawan Kreatif dan Inovasi dalam Keusahawanan di Malaysia


**12** Keberhutangan Isi Rumah: Pengurusan Kewangan Berhemah

**22** Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam

**32** Kuasa Penjenamaan dalam Perniagaan Koperasi

**42** Inovasi Sosioekonomi melalui Pendekatan Usahawan Koperasi

**50** Perniagaan Taska Wajar Dimanfaatkan Koperasi



**56** Jenama: Fantasi ke Realiti  
(Apa yang Perlu Dilakukan Apabila Produk dan Perkhidmatan Anda Tidak Glamour?)

**66** Kesediaan Usahawan Koperasi Menceburی Aktiviti Pusat Pengedaran (DC) Koperasi

**74** Ekosistem Pensijilan Halal di Malaysia:  
Satu Potensi kepada Koperasi